

## **Takdir dan Tadbir**

(Pencinta Qalam)

Kehendak azali genap masanya  
Tiadalah tadbir dapat memaksanya  
Melainkan menurut ke mana rasanya  
Paluan takdir kuat kuasanya  
Tatkala takdir datang menjeramah  
Hancurlah tadbir bagi dimamah  
Luputlah segala bicara hemah  
Serba tak kena sebarang dijamah.  
Usahalah takdir tak tunjuk mekar  
Bijak laksana alam pendekar  
Kuku takdir datang mencakar  
Pandai cerdik lari dan bongkar.  
Usahalah diri tak tunjuk loyar  
Melebihkan rajin usaha ikhtiar  
Askar takdir datang bersiar  
Habishlah tadbir lari bertempiar.  
Usahalah diri tak tunjuk handal  
Tongkat takdir datang membedal  
Binasalah untuk ghaiblah modal  
Renggang sepadi tak daya menyendal.

Demikianlah kudrat iradatnya tuhan  
Mustahil bersifat segala kelemahan  
Apakala takdir datang membahan  
Tiada sesuatu dapat menahan.  
Ayuhai diri sayogialah sedar  
Sehingga mana dikurnia kadar  
Takluk ma'ani hanyalah sandar  
Bukannya diri empunya odar.  
Tetapi pula tafakkurlah kamu  
Tiap-tiap takdir Allah yalamu  
Mustahil diketahui bilakah bertemu  
Melainkan apkala sudah tersamu.  
Siapakah kita dapat menentukan?  
Untung nasib bila didatangkan  
Baik jahat tuhan takdirkan  
Sematlah memohon Tuhan rahmatkan.  
Seperenggan ini jangan terlajak  
Menunglah diri akal yang bijak  
Tiap-tiap langkah tolehlah jejak  
Apa gunanya cangkul dan tajak.  
Ingatlah diri apakala lapar  
Tiada manusia kenapa menggelupar?  
Iaitulah hikmah Aziz al-Ghaffar  
Melalui titi susurlah lapar.

Ingatlah diri janganlah lupa  
Dan gerahi atal kerana apa?  
Gajah harimau jangan diterap  
Ambillah padi buangkan hampa.  
Dikurniakan akal untuk memilih  
Mana yang boleh mana tak boleh  
Supaya jangan membanyakkan dalih  
Baik dan jahat ditukar alih.  
Dijadikan Rasul ada tujuan  
Diturunkan Quran ada kemahuan  
Jangan dilanggar sarang tebuhan  
Ikutilah tuhan punya akuan.  
Hukum akal syara' dan adat  
Segala hukum hikmatnya padat  
Dijadikan hamba kerana ibadat  
Menyembah tuhan sifatnya wahdah.  
Ringkasnya diri ketahuilah sekarang  
Takdir, tadbir masing-masing telirang  
Jangan diturut sebarang-barang  
Salah iktikad sendiri mengarang.  
Takdir itu tuhan yang punya  
Jangan ditempih jangan ditanya  
Tiada siapa dapat menekanya  
Melainkan setelah zahir adanya.

Tadbir itu haknya kita	Dari itu hendak ingat	Fardhu ain fardhu kifayah
Usaha ikhtiar dikurnia serta	Jabariyah di kanan memasang jangat	Belajarnya mudah fahamnya payah
Iaitulah perkakas alam pendeta	Qadariyah di kiri ada bersangat	Jika kurang selak dan siat
Ahli al-Sunnah punya senjata.	Bara mutazilah terlampaulah hangat.	Sedikitlah amal yang banyak dakyah.
Jalankan tadbir usaha ikhtiar	Ayuhai diri jaga-jagalah	Lebih bercakap, bekerja malas
Kemaskan perahu dirikan layar	Biar berhemah melalui celah	Ada pun ilmu tak pandai mengulas
Jangan melampung serba dibiari	Di sini jangan faham menyalah	Kerana menuntut faham tak jelas
Berpeluk tubuh duduk bersiar.	kelaknya diri dimurka Allah.	Amal ibadah jadilah culas.
Diri tak boleh berserah semata	Ingatlah diri jangan licir	Carilah guru alim yang soleh
Terlebih dahulu tambatlah unta	Menuntut ilmu janganlah cicir	Tuntut dan kaji seberapa boleh
Kemudian baharu berserah kita	Tersalah faham iman melecir	Supaya akal bijak dan celih
Terlepaslah diri iktikad lata.	Ke jali dan khafi syirik menggelincir.	Intankah batu dapat dipilih.
Demikian tak boleh bermegah diri	Yang demikian tentulah ilmu	Sehingga ini lemahlah qalam
Usaha ikhtiar sudah diberi	Supaya kebajikan boleh bertemu	Dipanjangkan takut bertambah kelam
Tiap-tiap suatu berkuasalah diri	Jika sebarang-barang daramu	Sangatlah murka khaliq al-‘alam
Ahli al-Sunnah bersalahlah peri.	Kelaknya mudah jatuh tersemu.	Tamatlah syair wa Allāh ‘alam.

## **Qada’ dan Qadar**

Iktikad dengan “qada’ dan qadar” apabila bersih daripada keburukan faham “Jabariyah” akan ditunda oleh sifat keberanian dan keperwiraan, dan akan membangkitkan semangat yang mendorong kepada merempuh bahaya yang menggerunkan hati singa. Iktikad yang demikian ini adalah membentuk diri dengan azam yang teguh, tahan menderita dan sedia menentang sebarang bahaya. Selain daripada menghiasinya dengan sifat-sifat pemurah, suka berkorban – mengorbankan nyawa di badan dan meninggalkan kemewahan hidup. Semuanya ini adalah semata-mata untuk kebenaran yang telah meruntut manusia beriktikad dengan akidah yang mulia ini.

Orang yang beriktikad bahawa ajal itu sudah tetap perengannya, rezeki terjamin, segala makhluk terletak di bawah kuasa Allah yang mengarahkan menurut yang dikehendakinya, bagaimana ia boleh gerun kepada maut tatkala ia membela dan

mempertahankan haknya, meninggikan darjat umatnya dan agamanya?

Sejarah telah meninggalkan bukti yang nyata bahawa “Kursh” (Khosrow) Raja Parsi penakluk yang masyhur dalam sejarah tua, tidaklah dapat mencapai segala kemenangan yang banyak itu melainkan kerana ia percaya dengan “qada’ dan qadar”. Iskandar Zulkarnain pahlawan Yunani yang terkenal itu adalah daripada orang-orang yang percayakan “qada’ dan qadar”. Janger Khan pahlawan Monggol yang terbilang itu adalah daripada orang-orang yang percayakan “qada’ dan qadar”. Bahkan Napoleon Bonaparte “Yang Pertama” – pahlawan Perancis yang masyhur itu adalah sekuat-kuat orang yang percaya kepada “qada’ dan qadar”. Kepercayaan inilah yang kedapatan mendorongnya bersama-sama askarnya yang berjumlah sedikit itu menentang musuhnya yang besar jumlah dan kekuatannya, dan yang menyebabkan dia mencapai kemenangan yang cemerlang!

Jamaludin al-Afghanī